

Melabur dengan Bijak: Panduan Pelaburan Unit Amanah



Sila rujuk laman web Public Mutual atau hubungi Perunding Unit Amanah anda untuk maklumat lanjut.

Anda tidak perlu menjadi seorang ahli sains roket. Pelaburan bukanlah satu permainan yang melibatkan individu dengan IQ 160 menewaskan individu dengan IQ 130.


– Warren Buffett





Sesetengah pelabur berpendapat bahawa nasib memainkan peranan dalam melabur dan beberapa perkara perlu terjadi bagi membolehkan seseorang pelabur menjana keuntungan: pilihan saham, pergerakan pasaran dan masa yang tepat.

Namun, adakah nasib benar-benar memainkan peranan? Itu bergantung jika anda ingin menjadi:




Berikut merupakan perkara yang PERLU DILAKUKAN dan PERLU DIELAKKAN dalam merancang strategi untuk pelaburan unit amanah anda:

 PERLU DILAKUKAN

1. Peruntukan Aset

Agihkan pelaburan ke dalam pelbagai kelas aset mengikut matlamat, toleransi risiko dan jangka masa pelaburan anda.



- Dana ekuiti
- Dana bon/pasaran Wang

Berapakah jumlah yang perlu anda agihkan ke dalam ekuiti?

Lazimnya:
Peruntukan aset antara ekuiti dan bon/instrumen pasaran wang mengikut umur:

100 – UMUR = Peratusan Pendedahan dalam EKUITI

Contoh:
Jika anda berumur 30 tahun, anda boleh melabur 70% daripada pelaburan anda dalam ekuiti dan selebihnya ke dalam bon dan/atau instrumen pasaran wang.

2. Pempelbagaian

Agihkan pelaburan ke dalam pelbagai dana dalam setiap kelas aset untuk mengurangkan ketaktentuan portfolio secara keseluruhan.

Bagaimanakah anda mempelbagaikan dana?

Melabur dalam dana yang mempunyai mandat berbeza:

-  Dana-dana domestik/serantau/global/negara
-  Dana permodalan besar/permodalan sederhana/permodalan kecil
-  Dana mengikut sektor/tema

- Contoh:
Pelabur X melabur ke dalam dana-dana berikut untuk bahagian ekuiti portfolionya bagi mempelbagaikan pelaburan:
- Dana Domestik A
 - Dana Global B
 - Dana Permodalan Kecil C
 - Dana ESG D

3. Melabur Secara Tetap

Dengan melabur jumlah yang tetap secara konsisten tanpa mengira keadaan pasaran, anda dapat:



Memupuk amalan menabung yang konsisten



Menempuh turun naik pasaran saham dalam jangka panjang



Melabur tanpa perlu meramal pergerakan pasaran



Mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pelaburan sekaligus

Bagaimana untuk melabur secara tetap dengan berkesan?

Daftar Arahan Debit Terus (DDA)

DDA membolehkan anda untuk memindahkan sejumlah wang yang tetap dari akaun bank anda ke dana unit amanah pilihan anda secara bulanan.

4. Melabur untuk jangka panjang

Pasaran saham cenderung untuk menggambarkan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dalam jangka masa panjang. Walaupun ia kelihatan tak menentu dalam jangka pendek, sejarah menunjukkan pelaburan yang terus dipegang dalam jangka panjang biasanya akan memberikan keuntungan.

S&P 500 (Jan 1995 – Jun 2025)



Sumber: Bloomberg

PERLU DIELAKKAN

1. Jangan meletakkan wang anda dalam satu dana sahaja

Jika seseorang pelabur hanya melabur dalam satu atau dua dana sahaja serta melabur dalam kategori dana yang sama (contohnya, dana ekuiti domestik), sebarang penurunan berpotensi dalam prestasi dana tersebut akan memberikan kesan besar terhadap keseluruhan portfolio.



Apa yang anda boleh lakukan?

Mempelbagaikan pelaburan anda dengan memilih dana yang pelbagai yang dilaburkan merentasi pasaran dan sektor yang berbeza.

Bagi pelabur baharu yang mempunyai sumber yang terhad, pertimbangkan untuk melabur dalam dana aset campuran/imbang untuk mencapai objektif yang sama.

2. Jangan cuba untuk meramal pasaran

Meramal pasaran adalah perkara yang sukar walaupun untuk pakar pelaburan. Oleh itu, pelabur tidak seharusnya mencuba untuk berbuat sedemikian melalui pembelian dan penjualan dana yang kerap.



Apa yang anda boleh lakukan?

Melabur dalam dana unit amanah untuk jangka masa yang lebih panjang. Contohnya, melabur dalam jangka masa 5 tahun atau lebih untuk membolehkan pelaburan anda berkembang.

Fokus pada matlamat jangka panjang anda, teruskan melabur walaupun semasa ketaktentuan pasaran jangka pendek dan melabur secara tetap.

3. Jangan melakukan penukaran dengan kerap

Pelabur sering menukar dana untuk cuba meningkatkan pulangan mereka. Walau bagaimanapun, penukaran yang kerap dan mengikut perasaan mungkin akan menyebabkan kesan negatif terhadap pulangan portfolio. Ia bukan sahaja kerana terdapat kos yang terlibat, malah meramal pasaran juga adalah sesuatu perkara yang amat sukar dilakukan.



Apa yang anda boleh lakukan?

Amalkan peruntukan aset dan mempelbagaian. Portfolio yang terpelbagai lebih berpotensi membantu melindungi pelaburan daripada kemerosotan pasaran.

4. Jangan membuat keputusan mengikut emosi

Perasaan takut dan tamak biasanya merupakan dua penggerak emosi utama dalam membuat keputusan melalui yang membuatkan pelabur terlibat dalam jual beli terburu-buru semasa turun naik kitaran pasaran.



Apa yang anda boleh lakukan?

Melabur secara tetap melalui kemudahan DDA kami untuk mengharungi ketidakpastian pasaran.

5. Jangan menghadkan diri anda kepada dana yang hanya memberikan pendapatan

Prestasi dana seharusnya dinilai berdasarkan jumlah pulangan, termasuklah keuntungan modal dan pengagihan pendapatan.

Dana ekuiti dengan dasar pengagihan sampingan mungkin tidak memberikan pendapatan kerana:

- Ia dapat memanfaatkan modal yang dipegang untuk menjana pulangan terkompauan yang berpotensi lebih tinggi dalam jangka panjang;
- Ia tidak perlu mencairkan pelaburan dengan awal untuk meningkatkan aliran tunai sebelum tarikh akhir pengagihan; dan
- Ia dapat meminimumkan sebarang kos tambahan yang dikenakan dalam proses mencairkan pelaburan.



Apa yang anda boleh lakukan?

Kenal pasti objektif pelaburan anda sebelum melabur. Sekiranya matlamat anda adalah memperoleh pendapatan secara tetap, anda seharusnya mempertimbangkan untuk melabur dalam dana dengan dasar pengagihannya yang memberikan pendapatan secara tahunan, setengah tahunan atau bulanan[^]. Contoh dana tersebut ialah dana pendapatan tetap, bon dan dividen.

[^] Atas dasar usaha terbaik. Pengagihan (sekiranya ada) akan dilaburkan semula melainkan pemegang unit memilih membuat pengeluaran.

Hubungi Kami



Perunding Unit Amanah



Cawangan/Pusat Khidmat Pelanggan Public Mutual



03-2022 5000



www.publicmutual.com.my

.....

Bahan ini disediakan semata-mata untuk tujuan pendidikan dan kesedaran dan tidak boleh dianggap sebagai satu tawaran atau usaha mendapatkan satu tawaran untuk membeli atau melanggan produk yang ditawarkan oleh Public Mutual. Tiada sebarang perwakilan atau jaminan dibuat oleh Public Mutual, dan Public Mutual tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti berhubung kait dengan ketepatan, kesempurnaan atau kesesuaian maklumat yang terkandung di dalamnya.

Nota: Public Mutual mempunyai hak milik sepenuhnya terhadap bahan ini dan bahan ini tidak boleh dikeluarkan semula, diedar, dihantar, dipamer, diterbitkan atau disiarkan tanpa kebenaran daripada Public Mutual terlebih dahulu.

Cawangan/Pusat Khidmat Pelanggan

SEMENANJUNG MALAYSIA

Pusat Khidmat Pelanggan

Tel: 03-2022 5000

Pusat Privilege Circle

Tel: 03-2022 5000

Pusat Beli-belah 1 Utama

Tel: 03-2022 5000

Alor Setar

Tel: 04-7366 500 Faks: 04-7364 655

E-mel: aor@publicmutual.com.my

Bangsar

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-2283 5739

E-mel: klsi@publicmutual.com.my

Batu Pahat

Tel: 07-4363 500 Faks: 07-4326 588

E-mel: bpt@publicmutual.com.my

Cheras

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-9132 1022

E-mel: chr@publicmutual.com.my

Damansara Perdana

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-7722 2475

E-mel: dsp@publicmutual.com.my

Ipoh

Tel: 05-2462 500 Faks: 05-2559 859

E-mel: iph@publicmutual.com.my

Johor Bahru

Tel: 07-3607 500 Faks: 07-3548 600

E-mel: jhb@publicmutual.com.my

Klang

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-3323 5632

E-mel: kel@publicmutual.com.my

Kluang

Tel: 07-7391 500 Faks: 07-7736 195

E-mel: klg@publicmutual.com.my

Kota Bharu

Tel: 09-7263 500 Faks: 09-7476 026

E-mel: kbr@publicmutual.com.my

Kuala Terengganu

Tel: 09-6321 500 Faks: 09-6317 030

E-mel: ktg@publicmutual.com.my

Kuantan

Tel: 09-5118 500 Faks: 09-5161 223

E-mel: ktn@publicmutual.com.my

Melaka

Tel: 06-2855 500 Faks: 06-2837 354

E-mel: mlk@publicmutual.com.my

Muar

Tel: 06-9562 500 Faks: 06-9536 830

E-mel: mua@publicmutual.com.my

Pulau Pinang

Tel: 04-2196 500 Faks: 04-2295 171

E-mel: pen@publicmutual.com.my

Puchong

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-8065 3010

E-mel: pch@publicmutual.com.my

Seberang Perai

Tel: 04-5407 500 Faks: 04-5050 005

E-mel: sbp@publicmutual.com.my

Seremban

Tel: 06-6372 500 Faks: 06-7644 237

E-mel: sbm@publicmutual.com.my

Shah Alam

Tel: 03-2022 5000 Faks: 03-5513 9288

E-mel: sal@publicmutual.com.my

Sungai Petani

Tel: 04-4558 500 Faks: 04-4230 663

E-mel: sgp@publicmutual.com.my

Temerloh

Tel: 09-2955 500 Faks: 09-2968 060

E-mel: tml@publicmutual.com.my

SABAH & SARAWAK

Bintulu

Tel: 086-859 500 Faks: 086-330 221

E-mel: btu@publicmutual.com.my

Kota Kinabalu

Tel: 088-327 500 Faks: 088-238 389

E-mel: bki@publicmutual.com.my

Kuching

Tel: 082-226 500 Faks: 082-239 825

E-mel: kch@publicmutual.com.my

Miri

Tel: 085-323 500 Faks: 085-416 195

E-mel: mri@publicmutual.com.my

Sandakan

Tel: 089-231 500 Faks: 089-222 889

E-mel: sdk@publicmutual.com.my

Sibu

Tel: 084-363 500 Faks: 084-330 269

E-mel: sbw@publicmutual.com.my

Tawau

Tel: 089-982 500 Faks: 089-765 326

E-mel: twu@publicmutual.com.my

IBU PEJABAT

Menara Public Bank 2,
No. 78, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN

03-2022 5000

TELEFON

03-2022 6800

FAKSIMILE

03-2022 6900

LAMAN WEB

www.publicmutual.com.my

IKUTI KAMI

